



**Mohamed Khaled** (tengah) menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Prof Mohd Saleh (kiri) dengan Tony (dua kiri), baru-baru ini.

[ AFENDI MOHAMED/ BH ]

# UPM bangunkan produk mesra alam

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bharian.com.my

↳ Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalinkan kerjasama dengan All Cosmos Biotech Holding Corporation (All Cosmos) dalam usaha membangunkan produk 'kompos-biocide'

menggunakan bakteriofaj daripada sumber hutan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof Datuk Ir Dr Mohd Saleh Jaafar, berkata pembangunan produk bersama

syarikat itu mampu menangani isu keselamatan bahan makanan, pembangunan pertanian mampan dan perladangan hutan.

Katanya, All Cosmos mengeluarkan dan pemasar baja organik serta biokimia.

"Teknologi bakteriofaj menggunakan virus mikrob untuk menjangkiti dan membunuh bakteria yang menyebabkan penyakit.

"Ini boleh digunakan sebagai 'biocide' dalam pertanian, perhutanan dan industri yang membantu untuk mengurangkan risiko keselamatan makanan dan kerugian kepada petani akibat serangan bakteria.

## Teknologi mesra alam

"Penggunaan bakteriofaj adalah bersifat teknologi hijau yang mesra alam, tidak berbahaya, kos rendah dan bakal meningkatkan hasil eksport pertanian serta perladangan hutan di Malaysia," katanya.

Kerjasama UPM dengan syarikat berkenaan dimeterai dalam perjanjian persefahaman (MoU) dengan Prof Mohd Saleh mewakili UPM, manakala Ketua Pengarah All Cosmos, Datuk Peng Shih Hao mewakili syarikatnya.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin turut hadir sebagai saksi.

Turut hadir pada majlis MoU itu adalah Dekan Fakulti Perhutanan UPM, Prof Datin Dr Faridah Hanum.

## Dana penyelidikan

Shih Hao berkata, pihaknya memperuntuk dana RM54,450 kepada Fakulti Perhutanan melalui UPM

“**TEKNOLOGI BAKTERIOFAJ MENGGUNAKAN VIRUS MIKROB UNTUK MENJANGKITI DAN MEMBUNUH BAKTERIA YANG MENYEBABKAN PENYAKIT**”

**Prof Mohd Saleh Jaafar**,  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi) UPM

Holdings, iaitu anak syarikat UPM bagi tujuan penyelidikan asas dalam bidang bakteriofaj daripada sumber hutan.

Katanya, susulan daripada penyelidikan asas itu, All Cosmos bersama UPM akan terbabit dalam pembangunan kompos biojisim yang ditambah nilai menggunakan teknologi bakteriofaj sehingga berjaya menghasilkan produk komersial.

Beliau berkata, All Cosmos juga akan menyalurkan dana RM1 juta dalam bentuk Kursi Penyelidikan Industri kepada Fakulti Perhutanan bagi menjalankan penyelidikan berimpak tinggi untuk dimanfaatkan dalam sektor perhutanan dan pertanian negara.

VARSI

REDAKSI